



19 Ogos 2016
19 August 2016
P.U. (B) 363

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 70(2)

NOTICE UNDER SUBSECTION 70(2)



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 70(2)

Dato Bandar Kuala Lumpur, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, bercadang untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], yang kesannya akan melarang pemanduan semua kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan ke jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Bantahan terhadap cadangan itu, jika ada, mestilah dihantar secara bertulis kepada Dato Bandar Kuala Lumpur pada atau sebelum 6 September 2016 di Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Menara DBKL II, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	<i>Arah yang ditentukan</i>	<i>Tempoh larangan</i>
Sebahagian Persiaran KLCC sebagaimana yang ditandakan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari arah Lorong Kuda menghala ke Jalan Ampang hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Mulai 15 September 2016 hingga 31 Disember 2021